

Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2011)

Kuala Lumpur, 15 September 2011 – Program Pendidikan PERMATApintar™ telah memenangi satu pingat perak dan satu pingat gangsa dibawah kategori Junior Inventor di Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2011) yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur. Pingat perak telah dimenangi menerusi ciptaan bertajuk ‘1Malaysia ECO Terrace Home’ yang dianggotai seramai 5 orang pelajar iaitu Nik Husni bin Nik Rusdi, Muhammad Haziq Iqbal bin Fazli, Aiman Nurrasyid bin Shahrul Kamil, Nur Ain binti Mohammad Hamsani dan Bellen Sharon Fred, dibawah bimbingan Ar. Nurakmal Goh Abdullah. Selain itu, sebuah sistem yang dikenali ‘Solar Assisted Cloth Drying System for Low Cost Flat in Kuala Lumpur’ yang dihasilkan oleh Muhammad Syahmi bin Masli, Nurshafiqah binti Mohammad Zaini dan Nurul Syahirah binti Muhammad dibawah bimbingan Prof. Dato’ Dr Kamaruzzaman Sopian, Dr Mohd Hafidz bin Haji Ruslan dan Puan Suhaila binti Sepeai telah berjaya memenangi pingat gangsa.

Projek ‘1Malaysia ECO Terrace Home’ adalah berkonsepkan pembinaan rumah teres menggunakan seni bina tradisional iaitu di atas tiang dan menerapkan konsep mesra alam melalui pembinaannya. Masalah dalam mengeringkan pakaian yang berlaku di kawasan rumah pangsa menjadi teras kepada wujudnya projek ‘Solar Assisted Cloth Drying System for Low Cost Flat in Kuala Lumpur’. Projek ini akan membantu mengeringkan pakaian dengan lebih efektif di ruang kawasan rumah yang terhad. PECIPTA 2011 ini merupakan persidangan keenam yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan bertemakan Menyemarak Inovasi Bersama Model Baru Ekonomi. Kategori Junior Inventor yang dibuka kepada semua kolej dan sekolah di Malaysia turut diperkenalkan pada tahun ini bagi membina satu aspek pemikiran baharu di kalangan pelajar kerana wujudnya kepercayaan bahawa penciptaan itu harus bermula daripada usia yang muda.



Muhammad Haziq Iqbal bin Fazli, Nik Husni bin Nik Rusdi, Nur Ain binti Mohammad Hamsani, Aiman Nurasyid bin Shahrul Kamil, Bellen Sharon Fred, Ar. Nurakmal Goh Abdullah



Muhammad Syahmi bin Masli, Ar. Nurakmal Goh Abdullah, Nurshafiqah binti Mohammad Zaini, Nurul Syahirah binti Muhammad